

LAPORAN PENGARAH	92
AKAUN UNTUNG RUGI	99
KUNCI KIRA-KIRA	100
PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN	102
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN	107
KENYATAAN PARA PENGARAH	146

# PENYATA KEWANGAN

KENYATAAN BERKANUN	146
LAPORAN JURUAUDIT	147
ANALISA PEMEGANG SAHAM	148
20 PEMEGANG SAHAM UTAMA	149
HARTANAH KUMPULAN	150
BORANG PROKSI	

# LAPORAN PENGARAH

---

Para Pengarah dengan ini mengemukakan laporan mereka bersama dengan akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1999.

## AKTIVITI UTAMA

Syarikat pada dasarnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat juga terlibat dalam aktiviti perdagangan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya.

Kumpulan pada dasarnya terlibat dalam penjanaan kuasa, operasi dan khidmat penyelenggaraan kepada loji janakuasa, penerbitan dan penyiaran, perkhidmatan kewangan, pembangunan harta tanah, operasi kuari, pembinaan dan perkhidmatan kejuruteraan.

Tiada perubahan ketara yang berlaku terhadap aktiviti-aktiviti Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan selain daripada apa yang dinyatakan di dalam Nota 37 kepada akaun.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Kerugian sebelum perkara-perkara terkecuali dan cukai	(288,872)	(74,137)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	89,734	-
Perkara-perkara terkecuali	<u>(1,207,662)</u>	<u>(1,467,166)</u>
	<u> </u>	<u> </u>
Kerugian sebelum cukai	(1,406,800)	(1,541,303)
Cukai	<u>(41,717)</u>	<u>-</u>
	<u> </u>	<u> </u>
Kerugian selepas cukai	(1,448,517)	(1,541,303)
Kepentingan minoriti	<u>14,932</u>	<u>-</u>
	<u> </u>	<u> </u>
Kerugian bagi tahun kewangan	(1,433,585)	(1,541,303)
Bahagian pindahan kepada rizab berkanun oleh syarikat-syarikat bersekutu	(14,805)	-
Keuntungan terkumpul dibawa ke hadapan	<u>498,897</u>	<u>777,841</u>
	<u> </u>	<u> </u>
Kerugian terkumpul dihantar ke hadapan	<u>(949,493)</u>	<u>(763,462)</u>

# LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

---

## DIVIDEN

Tiada dividen yang diistiharkan atau dibayar oleh Syarikat semenjak 31 Ogos 1998. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1999.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Pindahan ketara kepada dan/atau daripada rizab-rizab dan peruntukan-peruntukan di sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang dinyatakan di dalam akaun.

## MODAL SAHAM

Di sepanjang tahun kewangan, modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat telah ditambah dari RM963,128,832 kepada RM969,780,832 melalui terbitan saham biasa sebanyak 6,652,000 bernilai RM1.00 setiap satu seperti berikut:

<b>Tujuan terbitan</b>	<b>Jumlah saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu</b>
------------------------	---

Perlaksanaan skim pilihan oleh kakitangan-kakitangan yang layak menurut

Skim Pilihan Saham Kakitangan	6,652,000
-------------------------------	-----------

Saham-saham biasa di atas yang diterbitkan di sepanjang tahun kewangan mempunyai hak yang sama dalam semua segi dengan saham-saham biasa Syarikat yang sedia ada.

## SKIM PILIHAN SAHAM KAKITANGAN

Skim Pilihan Saham Kakitangan ("SPSK" atau "Skim") Malaysian Resources Corporation Berhad telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 9 Februari 1996 dan berkuatkuasa pada 4 April 1996.

Butir-butir SPSK adalah terkandung dalam Undang-undang Kecil dan ciri-ciri utamanya adalah seperti berikut:

- (a) Skim ditubuhkan untuk penyertaan dalam modal saham biasa Syarikat sahaja.

Jumlah saham yang akan ditawarkan di bawah SPSK tidak akan melebihi 10% dari jumlah saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar pada sebarang masa di sepanjang tempoh Skim. Pada tarikh permulaan Skim, jumlah saham yang terdapat untuk ditawarkan ialah 49,292,624 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu.

- (b) Kakitangan yang layak ialah mereka yang berkhidmat berterusan dengan Kumpulan untuk tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun untuk kakitangan warganegara Malaysia (termasuk Pengarah-Pengarah Eksekutif sepenuh masa yang terlibat dalam pengurusan sehari-hari dan termasuk dalam senarai gaji Syarikat) dan lima (5) tahun perkhidmatan berterusan dengan Kumpulan untuk kakitangan bukan warganegara Malaysia.
- (c) SPSK akan terus berkuatkuasa untuk tempoh lima (5) tahun bermula dari 4 April 1996 dan tamat pada 3 April 2001.
- (d) Skim ini akan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pilihan yang akan terdiri daripada kakitangan pengurusan kanan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

## LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

- (e) Sesuatu Pilihan yang diberikan di bawah SPSK boleh dilaksanakan oleh penerima dengan memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat di sepanjang tahun bermula dari tarikh tawaran dan berakhir pada 3 April 2001. Pilihan yang diberikan hendaklah dilaksanakan oleh penerima seperti berikut:

Tahun melaksanakan Pilihan	% untuk dilaksanakan (terkumpul)	% untuk dilaksanakan dalam nisbah yang sama		
		untuk baki tempoh SPSK	(terkumpul)	Pilihan ditawarkan dalam tahun ke-4 SPSK
Tahun 1	15	-	-	-
Tahun 2	30	25	-	-
Tahun 3	60	50	33	-
Tahun 4	80	75	66	50
Tahun 5	100	100	100	100

Pilihan yang diberi untuk setiap tahun boleh dilaksanakan sepenuhnya atau dalam jumlah saham yang lebih kecil dengan syarat bilangan tersebut hendaklah dalam gandaan dan tidak kurang daripada 1,000 saham.

- (f) Harga pada mana kakitangan yang layak berhak mendapatkan saham di bawah SPSK adalah purata sebutharga pasaran saham Syarikat (seperti yang disiarkan dalam Diari Harian Bursa Saham Kuala Lumpur) untuk lima (5) hari pasaran sebelum tarikh tawaran Pilihan masing-masing, atau nilai nominal saham, mengikut yang mana lebih tinggi.
- (g) Kakitangan yang layak hanya boleh menyertai satu SPSK yang dianjurkan oleh mana-mana syarikat di dalam Kumpulan pada satu-satu masa.
- (h) Semua terbitan saham-saham biasa baru yang timbul dari SPSK mempunyai hak yang sama dalam semua segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Sepanjang tahun kewangan, bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dirangkumi oleh Pilihan yang diberi, dilaksana, dibatal dan tidak diterbitkan di bawah SPSK adalah seperti berikut:

Pecahan	Tarikh	Harga*	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dirangkumi oleh Pilihan				
			Baki pada 1.9.1998	Diberi	Dilaksana	Baki pada 31.8.1999	
1	4 April 1996	RM4.48	24,265,334	-	-	(8,665,000) 15,600,334	
2	31 Mei 1996	RM4.61	5,489,333	-	-	(1,573,000) 3,916,333	
3	31 Ogos 1996	RM5.69	9,502,667	-	-	(4,092,000) 5,410,667	
4	30 Nov 1996	RM6.92	7,260,000	-	-	(3,737,000) 3,523,000	
5	28 Feb 1997	RM4.09	5,402,667	-	-	(1,650,000) 3,752,667	
6	31 Mei 1997	RM4.09	6,393,333	-	-	(3,015,000) 3,378,333	
7-10	1 Ogos 1998	RM1.00	9,789,000	-	(3,993,000)	(1,505,000) 4,291,000	
11	30 Sep 1998	RM1.00	-	2,479,000	(1,162,000)	(176,000) 1,141,000	
12	4 Jan 1999	RM1.44	-	2,821,000	(1,160,000)	(21,000) 1,640,000	
13	20 Mac 1999	RM1.00	-	696,000	(269,000)	(5,000) 422,000	
14	8 Jun 1999	RM1.73	-	581,000	(68,000)	-	513,000
			68,102,334	6,577,000	(6,652,000)	(24,439,000)	43,588,334

\* Harga Pilihan bagi Pecahan 1 hingga Pecahan 6 telah diselaraskan bagi kesan terbitan bonus satu (1) saham biasa baru bagi setiap tiga (3) saham biasa yang sedia dipegang, diterbitkan oleh Syarikat pada 3 September 1997.

# LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

---

## PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh sejak tarikh laporan yang lepas adalah:

Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman Maidin (Presiden)	(Dilantik pada 15.7.1999)
Y. Bhg. Datuk Zahari Omar (Timbalan Presiden Eksekutif)	(Dilantik pada 26.7.1999)
Encik Ahmad Jauhari Yahya (Timbalan Presiden Eksekutif)	
Y. Bhg. Datuk Abdul Kadir Jasin	
Y.B. Abdul Rahman Hj. Sulaiman	
Mr. Seow Lun Hoo	
Encik Mohd Ibrahim Mohd Nor	(Dilantik pada 26.7.1999)
Y. Bhg. Dato' Khalid Hj. Ahmad	(Bersara pada 21.7.1999)
Y. Bhg. Dato' Ahmad Nazri Abdullah	(Bersara pada 26.7.1999)
Encik Mohd Noor Mutalib	(Bersara pada 26.7.1999)

Sejajar dengan Artikel 100 Tataurusan Syarikat, Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman Maidin, Y. Bhg. Datuk Zahari Omar dan Encik Mohd Ibrahim Mohd Nor yang dilantik sebagai Ahli Lembaga dalam tempoh tersebut, bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan disebabkan layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Sejajar dengan Artikel 95 Tataurusan Syarikat, Y.B. Abdul Rahman Hj. Sulaiman bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan disebabkan layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

## MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan yang membabitkan Syarikat sebagai satu pihak, dengan perkara atau perkara-perkara yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi ganjaran menerusi pembelian saham-saham atau debentur dalam Syarikat atau perbadanan lain yang ditubuhkan kecuali pilihan saham yang diberi oleh Syarikat kepada kakitangan yang layak, termasuk Pengarah Syarikat tertentu sejajar dengan Skim Pilihan Saham Kakitangan Malaysian Resources Corporation Berhad.

Sejak dari akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada yang dinyatakan sebagai ganjaran Pengarah-Pengarah di dalam Nota 5 kepada Akaun) hasil daripada kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

## LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

---

### KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para Pengarah, kepentingan Pengarah yang menjawat jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham Syarikat adalah seperti berikut:

Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu				
Baki pada 1.9.1998/ tarikh perlantikan	Dibeli	Dijual	Baki pada 31.8.1999	

#### Kepentingan tidak langsung dalam Syarikat

Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman Maidin	317,152,156	-	(3,000,000)	314,152,156
Y. Bhg. Datuk Abdul Kadir Jasin	317,152,156	-	(3,000,000)	314,152,156

Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman Maidin dan Y. Bhg. Datuk Abdul Kadir Jasin secara tidak langsung mempunyai kepentingan yang besar di dalam saham-saham Syarikat melalui kepentingan besar mereka di dalam Realmild (M) Sdn. Bhd., yang sebaliknya pula mempunyai kepentingan besar di dalam Syarikat.

Berdasarkan kepentingan mereka di dalam saham-saham Syarikat, para Pengarah yang tertera di atas secara tidak langsung turut mempunyai kepentingan yang besar di dalam saham syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu setakat mana Syarikat mempunyai kepentingan.

Para Pengarah lain yang menjawat jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat dan syarikat korporat yang berkaitan.

### MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI AKAUN

Sebelum akaun untung rugi dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disiapkan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang-hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang-hutang rugu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang-hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang-hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain dari hutang-hutang, yang tidak mungkin mencapai nilai bukunya dalam amalan biasa perniagaan seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan nilainya hingga ke nilai yang dianggarkan dapat dicapai.

## **LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

---

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah hutang-hutang lapuk dihapuskira atau jumlah peruntukan untuk hutang-hutang rugu dalam akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menyebabkan kekeliruan terhadap nilai aset semasa Kumpulan dan Syarikat; atau
- (c) yang berbangkit yang boleh mendatangkan kekeliruan atau kejanggalan kepada cara yang ada untuk menilai aset dan tanggungan Kumpulan dan Syarikat.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain dikuatkuasakan atau berkemungkinan besar akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan di mana, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin memberi kesan besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menyelesaikan tanggungan pada atau apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang tuntutan ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan kerana menjamin tanggungan pihak lain; dan
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

### **MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau akaun ini yang mana boleh menyebabkan kekeliruan pada sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam akaun.

Pada pandangan para Pengarah:

- (a) keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang ketara dan luar biasa selain dari yang dinyatakan di dalam Nota 6 kepada akaun; dan
- (b) tiada perkara, urusniaga atau kejadian yang ketara dan luar biasa telah timbul di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang boleh menjelaskan keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat selain dari peristiwa-peristiwa penting selepas tarikh kunci kira-kira yang dinyatakan di dalam Nota 38 kepada akaun.

## **LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

---

### **JURUAUDIT**

Juruaudit, Tetuan Price WaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

**DATO' ABDUL RAHMAN MAIDIN**

Presiden

**DATUK ZAHARI OMAR**

Naib Presiden Eksekutif

Shah Alam

28 Disember 1999

# AKAUN UNTUNG RUGI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 1999

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
PEROLEHAN	4	<b>228,991</b>	680,415	<b>46,783</b>	108,527
KERUGIAN SEBELUM PERKARA-PERKARA TERKECUALI DAN CUKAI	5	(288,872)	(321,208)	(74,137)	(105,186)
BAHAGIAN KEUNTUNGAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU		<b>89,734</b>	(36,070)	-	-
PERKARA-PERKARA TERKECUALI	6	(1,207,662)	153,816	(1,467,166)	511,925
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		<b>(1,406,800)</b>	(203,462)	(1,541,303)	406,739
CUKAI	7	(41,717)	(49,157)	-	(28,820)
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		<b>(1,448,517)</b>	(252,619)	(1,541,303)	377,919
KEPENTINGAN MINORITI		<b>14,932</b>	(52,695)	-	-
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN		<b>(1,433,585)</b>	(305,314)	(1,541,303)	377,919
BAHAGIAN DALAM PINDAAN KEPADA RIZAB BERKANUN OLEH SYARIKAT BERSEKUTU	24	(14,805)	(3,914)	-	-
KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		<b>498,897</b>	808,125	<b>777,841</b>	399,922
(KERUGIAN TERKUMPUL)/ KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN	24	<b>(949,493)</b>	498,897	<b>(763,462)</b>	777,841
KERUGIAN SESAHAM	8	<b>(148.6 sen)</b>	(31.7 sen)		

Nota-nota di muka surat 107 hingga 145 merupakan sebahagian daripada akaun-akaun.

## KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 OGOS 1999

---

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
<b>ASET TETAP</b>					
Aset tetap operasi	9a	<b>102,398</b>	102,465	<b>2,508</b>	2,885
Pelaburan hartanah	9b	<b>53,714</b>	55,068	-	-
		<b>156,112</b>	157,533	<b>2,508</b>	2,885
PEMBANGUNAN HARTANAH	10	<b>500,922</b>	468,164	<b>3,870</b>	3,860
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LEBUHRAYA		<b>11,128</b>	8,148	-	-
SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI	11	-	-	<b>72,858</b>	190,005
SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU	12	<b>1,888,568</b>	3,078,749	<b>1,636,067</b>	3,005,463
PELABURAN LAIN	13	<b>2,677</b>	11,893	<b>1,110</b>	5,910
PERBELANJAAN TERTUNGGAK	14	<b>4,808</b>	5,362	-	-
MUHIBAH DARI PENYATUAN		<b>30,168</b>	27,764	-	-
KERUGIAN YANG BELUM DINYATAKAN DI ATAS PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN MATAWANG	15	-	129,846	-	-
<b>ASET SEMASA</b>					
Pembangunan hartanah					
- bahagian semasa	10	<b>236,728</b>	204,603	-	-
Kerja kontrak dalam proses	16	<b>100,329</b>	66,244	-	-
Stok	17	<b>143,090</b>	142,599	-	-
Siber hutang	18	<b>411,524</b>	719,825	<b>485,122</b>	665,743
Baki di bank dan simpanan	19	<b>37,854</b>	407,393	<b>385</b>	244,794
		<b>929,525</b>	1,540,664	<b>485,507</b>	910,537

## KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)

---

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	1999 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>				
Sipemutang	20	506,713	404,227	305,078
Pinjaman jangka pendek	22	923,227	1,188,155	534,575
Cukai		31,822	66,474	-
		<b>1,461,762</b>	<b>1,658,856</b>	<b>839,653</b>
		<b>_____</b>	<b>_____</b>	<b>_____</b>
<b>TANGGUNGAN SEMASA BERSIH</b>		<b>(532,237)</b>	<b>(118,192)</b>	<b>(354,146)</b>
		<b>2,062,146</b>	<b>3,769,267</b>	<b>1,362,267</b>
		<b>_____</b>	<b>_____</b>	<b>_____</b>
MODAL SAHAM	23	969,781	963,129	969,781
RIZAB-RIZAB	24	109,751	1,542,776	243,263
DANA PEMEGANG SAHAM		1,079,532	2,505,905	1,213,044
KEPENTINGAN MINORITI		192,875	208,702	-
TANGGUNGAN JANGKA PANJANG	25	801,852	1,065,234	149,223
CUKAI TERTUNGGAK	28	(12,113)	(10,574)	-
		<b>2,062,146</b>	<b>3,769,267</b>	<b>1,362,267</b>
		<b>_____</b>	<b>_____</b>	<b>_____</b>
ASET KETARA BERSIH SESAHAM	29	(33.5 sen)	(6.4 sen)	
		<b>_____</b>	<b>_____</b>	

Nota-nota di muka surat 107 hingga 145 merupakan sebahagian daripada akaun-akaun.

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 1999

	Nota	1999 RM'000	1998 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>			
Kerugian sebelum cukai		(1,406,800)	(203,462)
Penyelarasan untuk:			
Perbelanjaan faedah		117,807	150,709
Kerugian tukaran matawang asing		69,799	101,638
Susutnilai aset tetap		9,832	9,726
Susutnilai pelaburan hartanah		1,354	1,318
Pelunasan perbelanjaan tertunggak		42	1,512
Aset tetap dihapuskira		50	14
Kerugian/(keuntungan) bersih dari pelupusan aset tetap		229	(16)
Peruntukan bersih untuk hutang ragu		58,943	22,955
Pendapatan faedah		(24,372)	(45,818)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		(89,734)	36,070
Keuntungan dari pelupusan pelaburan lain		(3,039)	-
Perkara-perkara terkecuali		1,207,662	(153,816)
		(58,227)	(79,170)
Peningkatan dalam pembangunan hartanah		(53,481)	(67,541)
Peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan lebuhraya		(2,980)	(3,009)
Peningkatan dalam kerja kontrak dalam proses		(32,181)	(49,645)
Pengurangan dalam stok		338	4,416
Pengurangan/(peningkatan) dalam siberhutang		218,766	(149,620)
Pengurangan/(peningkatan) dalam jumlah hutang oleh syarikat-syarikat bersekutu		27,718	(40,764)
Peningkatan dalam sipemutang		77,454	121,129
Pengurangan dalam tanggungan tertunggak		(72,374)	(54,697)
Tunai bersih dijana dari/(digunakan dalam) operasi		105,033	(318,901)
Faedah diterima		24,372	45,818
Dividen diterima dari syarikat-syarikat bersekutu		13,983	10,314
Cukai dibayar		(35,249)	(80,167)
Faedah dibayar		(130,178)	(159,197)
Aliran keluar tunai bersih dari aktiviti operasi		(22,039)	(502,133)

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)

	Nota	1999 RM'000	1998 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil dari pelupusan saham dalam syarikat-syarikat bersekutu		53,054	477,875
Hasil dari pelupusan pelaburan lain		4,121	10,532
Hasil dari pelupusan aset tetap		3,562	4,956
Pengurangan/(peningkatan) dalam perbelanjaan tertunggak		512	(32,011)
Tunai bersih dari pelupusan syarikat-syarikat subsidiari	A	(833)	174,348
Pembelian pelaburan lain		(407)	-
Pembelian syarikat subsidiari	B	(2,619)	(11,410)
Pembelian aset tetap		(6,015)	(18,470)
Pembelian pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(14,040)	(362,097)
Aliran masuk tunai bersih dari aktiviti-aktiviti pelaburan		37,335	243,723
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN</b>			
Simpanan tetap dilepaskan/(dipegang) sebagai nilai cagaran		124,723	(35,060)
Hasil dari pinjaman-pinjaman jangka panjang		118,698	1,027
Hasil dari pinjaman-pinjaman jangka pendek		20,205	260,988
Hasil dari terbitan saham		7,212	161
Dividen dibayar kepada pemegang saham		-	(6,935)
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	(38,484)
Pembayaran balik pinjaman-pinjaman jangka pendek		(97,325)	-
Pembayaran balik pinjaman-pinjaman jangka panjang		(423,343)	(24,090)
(Aliran keluar)/aliran masuk tunai bersih dari aktiviti-aktiviti kewangan		(249,830)	157,607
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		(234,534)	(100,803)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		151,691	252,494
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	30	(82,843)	151,691

Nota-nota di muka surat 107 hingga 145 merupakan sebahagian daripada akaun-akaun.

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)

## (A) PELUPUSAN DAN PENCAIRAN KEPENTINGAN

Ringkasan kesan pelupusan dan pencairan kepentingan di dalam syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pelupusan sepanjang tahun kewangan:

	1999 RM'000	1998 RM'000
Aset bersih dilupuskan:		
Aset tetap	588	1,769
Perbelanjaan tertunggak	-	30,789
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	6
Pelaburan lain	-	106,413
Aset semasa	2,364	26,024
Tunai dan baki di bank	192	552
Simpanan dengan bank-bank berlesen	2,122	75,100
Tanggungan semasa	(2,855)	(94,850)
Cukai	(211)	-
Cukai tertunggak	(122)	(8,750)
Kepentingan minoriti	(955)	(67,156)
	<hr/>	<hr/>
Aset bersih dilupuskan	1,123	69,897
	<hr/>	<hr/>
(Kerugian)/keuntungan terkecuali dari pelupusan	(102)	180,529
Muhibah/(rizab) dari penyatuhan	460	(426)
	<hr/>	<hr/>
Jumlah pertimbangan diterima dari pelupusan	1,481	250,000
Tolak: Tunai dan baki di bank dilupuskan	(192)	(552)
Simpanan dengan bank-bank berlesen dilupuskan	(2,122)	(75,100)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dari pelupusan dan pencairan kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari	(833)	174,348
	<hr/>	<hr/>

(i) Pada 25 November 1998, Kumpulan telah menandatangani perjanjian jual beli untuk pelupusan syarikat subsidiarinya Babcock K-W Sdn. Bhd. ("BK-W"). Pelupusan tersebut telah selesai pada 10 Mac 1999 (Nota 37(f)).

Perolehan dan kerugian selepas cukai BK-W untuk tempoh semasa sehingga ke tarikh pelupusan adalah seperti berikut:

	Tempoh dari 1.9.1998 sehingga 10.3.1999	12 bulan sehingga 31.8.1998
	RM'000	RM'000
Perolehan	3,023	12,289
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai	(72)	467

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)

## (A) PELUPUSAN DAN PENCAIRAN KEPENTINGAN (SAMBUNGAN)

Aset dan tanggungan BK-W adalah seperti berikut:

	Pada 10.3.1999 RM'000	Pada 31.8.1998 RM'000
Aset tetap	570	795
Aset semasa	4,440	5,516
Tanggungan semasa	(3,057)	(4,366)
Tanggungan jangka panjang	(122)	(43)
Kepentingan minoriti	(955)	(932)
 Aset bersih	 <hr/>	 <hr/>
	876	970

- (ii) Pada 1 April 1999, Kumpulan telah mencairkan kepentingan ekuitinya dalam MRCB Multimedia Consortium Sdn. Bhd. ("MMC") daripada 100% kepada 23.33% sejajar dengan satu perjanjian usahasama dengan 17 ahli-ahli konsortium untuk perlaksanaan bersama kontrak Pengurusan Sistem Informasi Sumber Manusia ("PSISM") (Nota 37(k)).

Perolehan dan kerugian selepas cukai MMC untuk tempoh semasa sehingga ke tarikh pencairan dalam kepentingan ekuiti Kumpulan adalah seperti berikut:

	Tempoh dari 1.9.1998 sehingga 1.4.1999 RM'000	12 bulan sehingga 31.8.1998 RM'000
Perolehan	-	-
Kerugian selepas cukai	(602)	(351)
 Aset dan tanggungan MMC adalah seperti berikut:	 <hr/>	 <hr/>

	Pada 1.4.1999 RM'000	Pada 31.8.1998 RM'000
Aset tetap	18	19
Aset semasa	238	1
Tanggungan semasa	(9)	(221)
 Aset/(tanggungan) bersih	 <hr/>	 <hr/>
	247	(201)

## PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)

### (B) PENGAMBILALIHAN

Ringkasan kesan pengambilalihan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan:

	1999 RM'000	1998 RM'000
Aset bersih diambilalih:		
Aset tetap	23,321	1,236
Pelaburan lain	22	-
Muhibah	210	-
Aset semasa	4,704	6,027
Simpanan dengan syarikat-syarikat kewangan	755	-
Tunai dan baki bank	94	1,068
Tanggungan semasa	(26,062)	(4,425)
Overdraft bank	(1,812)	(478)
Pinjaman jangka pendek	-	(500)
Cukai	(300)	-
Tanggungan jangka panjang	(1,930)	-
	<hr/>	<hr/>
Aset bersih diambilalih	(998)	2,928
Muhibah dari pengambilalihan	2,654	9,072
	<hr/>	<hr/>
Pertimbangan pembelian	1,656	12,000
Tolak: Simpanan dengan syarikat-syarikat kewangan diambilalih	(755)	-
Tunai dan baki bank diambilalih	(94)	(1,068)
Overdraft bank	1,812	478
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dibayar untuk pengambilalihan syarikat subsidiari	2,619	11,410
	<hr/>	<hr/>

- (i) Pada 21 Disember 1998, Kumpulan telah menandatangani satu perjanjian jual-beli untuk pengambilalihan 80% kepentingan ekuiti di dalam Region Resources Sdn. Bhd. ("RRSB"), sebuah syarikat perdagangan dalam perniagaan kuari. Pengambilalihan telah selesai pada 10 Februari 1999 (Nota 37(h)).

Perolehan dan kerugian selepas cukai yang dihasilkan oleh RRSB dari tarikh pengambilalihan sehingga 31 Ogos 1999 adalah seperti berikut:

	RM'000
Perolehan	4,038
Kerugian selepas cukai	(8,618)

Aset dan tanggungan hasil dari pengambilalihan RRSB dimasukkan di dalam keputusan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Pada 31.8.1999 RM'000
Aset tetap	20,903
Pelaburan lain	22
Muhibah	210
Aset semasa	3,934
Tanggungan semasa	(18,670)
Tanggungan jangka panjang	(14,540)
	<hr/>
Tanggungan bersih	(8,141)
	<hr/>

# **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**

---

**- 31 OGOS 1999**

## **1 AKTIVITI UTAMA**

Syarikat pada dasarnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat juga terlibat dalam aktiviti perdagangan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiari.

Kumpulan pada dasarnya terlibat dalam penjanaan kuasa, operasi dan khidmat penyelenggaraan kepada loji janakuasa, penerbitan dan penyiaran, perkhidmatan kewangan, pembangunan harta tanah, operasi kuari, pembinaan dan perkhidmatan kejuruteraan.

Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu disenaraikan di dalam Nota 35 kepada akaun.

## **2 ASAS PERAKAUNAN**

Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat ini disediakan mengikut konvensyen kos sejarah yang diubahsuai bagi penilaian semula beberapa pelaburan harta tanah dan pembangunan harta tanah yang memenuhi syarat Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan mematuhi Akta Syarikat, 1965.

## **3 DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN**

### **(a) Asas penyatuan**

Akaun untung rugi yang disatukan serta kunci kira-kira mengandungi akaun-akaun Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari sehingga akhir tahun kewangan.

Keputusan syarikat-syarikat subsidiari diambilkira di dalam akaun untung rugi Kumpulan. Bahagian keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan pemegang saham minoriti ditolak bagi mencapai keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham Syarikat.

Keputusan-keputusan semua syarikat-syarikat subsidiari disatukan dengan kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan-keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan telah diambilkira dalam akaun untung rugi yang disatukan dari tarikh pengambilalihannya atau sehingga tarikh pelupusannya.

Aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari diambilkira di dalam kunci kira-kira Kumpulan sementara kepentingan-kepentingan pemegang saham minoriti di dalam aset bersih dinyatakan berasingan. Semua urusniaga penting dan baki di antara syarikat dihapuskan di dalam penyatuan.

Akaun untung rugi yang disatukan juga termasuk bahagian Kumpulan ke atas keuntungan dan kerugian syarikat-syarikat bersekutu yang diambilkira menggunakan kaedah ekuiti, berdasarkan akaun terbaru yang diaudit bagi syarikat-syarikat yang berkenaan. Di dalam kunci kira-kira yang disatukan, kepentingan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos ditolak jumlah peruntukan yang dibuat untuk kesusutan kekal dalam nilai dicampur bahagian keuntungan dan rizab Kumpulan selepas pengambilalihan.

### **(b) Muhibah dari penyatuan**

Muhibah yang wujud daripada penyatuan mewakili lebihan nilai semasa bagi pertimbangan untuk pengambilalihan berbanding nilai semasa aset bersih daripada syarikat-syarikat subsidiari pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dinyatakan pada kos kecuali di mana ianya dilupuskan jika pada pendapat para Pengarah ianya mengalami kesusutan yang kekal. Muhibah yang dilupuskan oleh syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan semula di dalam akaun Kumpulan selaras dengan polisi Kumpulan.

# **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**

---

**- 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)**

## **3 DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **(c) Syarikat-syarikat subsidiari**

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai ekuiti pelaburan jangka panjang yang lebih daripada 50% serta Kumpulan mengawal komposisi ahli lembaga pengaruhnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundi.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos kecuali jika para Pengarah berpendapat bahawa terdapat kesusutan nilai berkekalan dalam pelaburan bila mana peruntukan akan dibuat untuk kesusutan dalam nilai.

### **(d) Syarikat-syarikat bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah sebuah syarikat, selain daripada syarikat subsidiari di mana Kumpulan mempunyai pelaburan ekuiti jangka panjang di antara 20% hingga 50% serta Kumpulan mempunyai wakil dalam lembaga pengaruh dan berkedudukan untuk memberi kesan yang penting di dalam keputusan polisi kewangan dan operasinya.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos kecuali jika para Pengarah berpendapat bahawa terdapat kesusutan nilai berkekalan dalam pelaburan bila mana peruntukan akan dibuat untuk kesusutan dalam nilai.

### **(e) Usahasama**

Kepentingan Kumpulan dalam entiti yang diuruskan bersama, yakni entiti di dalam mana Kumpulan boleh bersama-sama membuat keputusan polisi kewangan dan operasinya dan tidak termasuk dalam golongan syarikat subsidiari atau syarikat bersekutu, telah diambilkira mengikut kaedah penyatuan berkadar. Di bawah kaedah ini, Kumpulan mengambilkira bahagiannya terhadap pendapatan dan perbelanjaan, aset dan tanggungan dari usahasama di dalam komponen penyata kewangan yang berkaitan.

### **(f) Pelaburan**

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan peruntukan untuk kesusutan dalam nilai pelaburan hanya akan dibuat setelah para Pengarah berpendapat bahawa ianya mengalami kesusutan nilai yang kekal. Pelaburan jangka pendek dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai bersih yang dapat dicapai.

Pendapatan dari pelaburan jangka panjang dikreditkan ke akaun untung rugi melalui dividen yang diterima.

### **(g) Aset tetap dan susutnilai**

Aset tetap dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul kecuali untuk tanah pegangan bebas dan pembinaan dalam proses yang mana tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan mengikut kaedah garisan lurus sepanjang tempoh pajakan selama 99 tahun.

Aset tetap operasi lain disusutnilaikan mengikut kaedah garisan lurus untuk menghapuskira kos aset sepanjang anggaran tempoh penggunaan.

Kadar susutnilai tahunan utama adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Loji dan jentera	5% - 20%
Perabut, pemasangan dan perkakasan pejabat	5% - 33 1/3%
Perkkas dan perisian komputer	20% - 33 1/3%
Kenderaan bermotor	20% - 33 1/3%

# **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**

---

**- 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)**

## **3 DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

Pelaburan harta tanah yang merupakan aset tetap dinyatakan pada kos atau penilaian para Pengarah yang berdasarkan penilaian jurunilai profesional pada 1989 menggunakan asas nilai pasaran terbuka ditolak susutnilai terkumpul. Tanah pegangan pajakan dan bangunan-bangunan Kumpulan tidak dinilai semula semenjak kerja-kerja penilaian yang lalu kerana para Pengarah tidak mengamalkan dasar penilaian semula yang kerap bagi aset tersebut.

Oleh sebab itu, penilaian ke atas aset yang dinilai semula tidak dikemaskini dan ianya terus dinyatakan pada penilaian semula yang terakhir ditolak susutnilai sebagaimana yang dibenarkan di bawah peruntukan dalam peralihan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diambilpakai dari Piawaian Perakaunan Antarabangsa No. 16 (pindaan).

Tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang tempoh pajakan masing-masing di antara 66 tahun sehingga 99 tahun. Susutnilai dikira dengan kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset sepanjang anggaran tempoh penggunaan. Kadar susutnilai utama untuk pelaburan bangunan ialah 2%.

### **(h) Pajakan kewangan dan sewabeli**

Pajakan di mana risiko dan pemberian hakmilik aset dipindahkan kepada Kumpulan dan Syarikat adalah dikira sebagai pajakan kewangan.

Aset tetap yang dimiliki di bawah pajakan kewangan dan sewabeli dipermodalkan di dalam akaun dan disusutnilaikan mengikut polisi yang tertera di Nota 3(g) di atas. Baki bayaran yang belum dijelaskan di bawah pajakan kewangan dan sewabeli selepas ditolak perbelanjaan kewangan dinyatakan sebagai tanggungan di dalam akaun. Caj kewangan diperuntukkan ke akaun untung rugi selama tempoh perjanjian tertentu.

### **(i) Perbelanjaan tertunggak**

Perbelanjaan tertunggak adalah berhubung dengan perbelanjaan yang dilakukan sebelum tarikh permulaan operasi komersil yang dipermodalkan dan dilunaskan sepanjang tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun apabila operasi bermula.

### **(j) Urusniaga matawang asing**

Urusniaga dalam matawang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar tukaran pasaran pada hari urusniaga berkenaan. Aset dan tanggungan dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada nilai tukaran di pasaran pada tarikh tersebut. Semua perbezaan pertukaran, kecuali perbezaan pertukaran yang belum dinyatakan terhadap pinjaman jangka panjang, diambilkira di dalam akaun untung rugi.

Perbezaan pertukaran asing yang belum dinyatakan hasil dari penukaran terhadap pinjaman jangka panjang yang dibuat dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira dilunaskan sepanjang tempoh pinjaman kecuali keuntungan pertukaran dilunaskan hanya setakat mana ianya dipadankan oleh pelunasan kerugian pertukaran. Ketidaklunasian bersih dari perbezaan pertukaran dibawa ke hadapan dan ditunjukkan di dalam kunci kira-kira sebagai 'Keuntungan/(kerugian) yang belum dinyatakan di atas perubahan kadar pertukaran matawang'.

### **(k) Pembangunan harta tanah**

Pembangunan harta tanah dinyatakan pada kos atau penilaian para Pengarah berdasarkan penilaian jurunilai profesional pada 1989 dan 1995 bagi syarikat-syarikat subsidiari berkenaan, menggunakan asas nilai pasaran terbuka dicampur keuntungan terkumpul ditolak bil berperingkat dan peruntukan untuk kerugian yang dijangka. Tanah pajakan dan bangunan-bangunan Kumpulan tidak dinilai semula semenjak kerja-kerja penilaian yang lalu kerana para Pengarah tidak mengamalkan dasar penilaian semula yang kerap bagi aset tersebut .

# **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**

---

**- 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)**

## **3 DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

Kos merangkumi kos tanah dan perbelanjaan pembangunan yang termasuk kos pinjaman berkaitan dengan pembiayaan kewangan projek pembangunan berkenaan sehingga ianya siap untuk kegunaan seperti yang dikehendaki.

Syarikat menganggap bahagian pembangunan harta tanah sebagai aset semasa jika kerja pembangunan yang ketara sedang dijalankan dan ianya dijangka akan siap mengikut pusingan operasi biasa selama dua hingga tiga tahun.

### **(l) Pengiktirafan pendapatan ke atas pembangunan harta tanah**

Keuntungan dari penjualan harta tanah diiktiraf dengan kaedah peratusan siap. Kerugian yang dijangkakan akan diiktiraf dengan segera di dalam akaun untung rugi.

Tiada keuntungan diiktiraf pada tahap permulaan pembangunan atau sebelum ianya mencapai suatu tahap di mana keputusan kewangan pembangunan tersebut boleh ditentukan dengan ketepatan yang munasabah.

### **(m) Perbelanjaan pembangunan lebuhraya**

Perbelanjaan pembangunan lebuhraya mewakili kos yang ditanggung, yang merangkumi kos pinjaman berkaitan dengan pembiayaan kewangan pembangunan yang berhubung dengan Projek Lebuhraya Ipoh-Lumut.

Jumlah perbelanjaan pembangunan yang ditanggung untuk projek ini akan dilunaskan apabila pembinaan lebuhraya tersebut siap dan pungutan hasil tol bermula.

### **(n) Kerja kontrak dalam proses**

Kerja kontrak dalam proses dinyatakan pada kos dicampur keuntungan yang disumbangkan dan ditolak bil berperingkat dan peruntukan untuk kerugian yang dijangkakan. Kos bahan dan keperluan ditentukan melalui kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

### **(o) Pengiktirafan pendapatan daripada kontrak**

Pendapatan dari kontrak diiktiraf dengan kaedah peratusan siap. Kerugian yang dijangkakan akan diiktiraf dengan segera di dalam akaun untung rugi.

Tiada keuntungan diiktiraf pada tahap permulaan kerja-kerja kontrak atau sebelum ianya mencapai suatu tahap di mana keputusan kewangan kontrak tersebut boleh ditentukan dengan ketepatan yang munasabah.

### **(p) Stok**

Stok dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai bersih boleh dicapai. Kos merangkumi di mana perlu, bahagian perbelanjaan berkaitan dan ditentukan mengikut kaedah purata wajaran, masuk dahulu keluar dahulu dan pengenalan tertentu yang mana berkenaan selepas mengambilkira peruntukan untuk semua barang yang dianggap usang atau bergerak perlahan.

### **(q) Hutang yang akan diterima**

Hutang yang akan diterima dinyatakan pada nilai jangkaan dapat dicapai. Satu anggaran dibuat bagi hutang yang akan diterima yang diragukan berdasarkan pada kajian bagi semua jumlah pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskira sepanjang tahun kewangan apabila ianya dikenal pasti.

## **NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**

---

**- 31 OGOS 1999 (SAMBUNGAN)**

### **3 DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

#### **(r) Cukai tertunggak**

Cukai tertunggak diperuntukkan dengan menggunakan kaedah tanggungan terhadap perbezaan masa yang ketara di antara pendapatan perakaunan dan pendapatan bercukai kecuali tiada faedah percukaian masa depan diiktiraf berkaitan dengan kerugian cukai belum serap dan perbezaan masa yang menghasilkan debit bersih melainkan jika ianya boleh dibuktikan bahawa faedah ini boleh dicapai di masa hadapan yang terdekat.

#### **(s) Permodalan faedah**

Faedah dari pinjaman berkaitan dengan pembelian aset tetap dipermodalkan sehingga aset itu siap untuk kegunaan seperti yang dikehendaki. Faedah berkaitan pembangunan harta tanah dipermodalkan selama tempoh di mana aktiviti untuk menyediakan dan membangunkan harta tanah dijalankan.

#### **(t) Tunai dan persamaan tunai**

